

**KESAN PENGURUSAN STRES SEBAGAI MODERATOR DALAM HUBUNGAN
ANTARA PERSEKITARAN KERJA KOMPETITIF DAN PRESTASI KERJA DI
KALANGAN STAF AKADEMIK DI UTM**

HARTINI BINTI DARSONO

**Laporan Disertasi ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia**

**Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia**

MAC 2013

DEDIKASI ini dinukilkan khas buat insan-insan yang banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang saya bergelumang dalam dunia penghasilan disertasi ini.

Buat suami (Ghazali Bunari);

Pengorbanan, kasih sayang, perhatian, pengertian dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh untuk menyiapkan disertasi ini adalah amat dihargai. Semoga ikatan kita berkekalan dan dirahmati serta diberkati Allah sentiasa. AMIN.

Buat anak-anak tersayang (Nur Sarah, Nur Sabrina dan Taufiq Afi);

Kalian merupakan tulang belakang dan sumber inspirasi untuk merealisasikan impian menjadi insan cemerlang.

Buat teman seperjuangan (Ayyub, Jun, Sujanthi, Farah, Helena dan teman sepejuangan yang lain);

Suka duka yang kita harungi dalam menyempurnakan impian untuk memperoleh Ijazah Sarjana ini adalah memori yang tidak dapat dilupakan. Semoga persahabatan kita berkekalan hingga ke akhir hayat. AMIN.

Buat Penyelia Disertasi (Dr. Khairiah Soehod);

Semoga segala ilmu yang dicurahkan dapat saya manfaatkan agar ia menjadi pelaburan yang tidak ternilai di dunia ini dan dunia mendatang. InsyaAllah.

TERIMA KASIH SEMUA

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan berkat kesabaran yang tinggi, dapat jua saya menyempurnakan laporan lengkap disertasi Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia dengan tajuk “Kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM ” dengan jayanya.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami dan anak-anak saya kerana telah banyak memberi sokongan moral dan semangat kepada saya dalam menyiapkan tugas ini. Mereka adalah tunjang kejayaan saya hari ini.

Ucapan terima kasih serta penghargaan kepada penyelia saya (Dr. Khairiah Soehod) dan penilai saya (Dr. Norashikin Mahmood dan Dr. Ungku Norulkamar Ungku Ahmad) kerana sudi meluangkan masa, ilmu dan tenaga dalam membantu saya dalam menyiapkan laporan disertasi ini. Jasa dan pengorbanan kalian amat saya dihargai.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada warga kerja Pejabat Pendaftar, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Pejabat Pentadbiran dan Akademik di seluruh fakulti di atas kerjasama dan sokongan dalam usaha mendapatkan maklumat yang diperlukan. Tidak lupa juga kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dalam menyumbangkan maklumat bagi melengkapkan kajian ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu sedikit sebanyak memberi maklumat dan sokongan moral dalam menyiapkan tugas ini. Sekian Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja di kalangan staf akademik di Universiti Teknologi Malaysia. Responden kajian terdiri daripada 302 orang staf akademik yang ditempatkan di fakulti di UTM, Johor Bahru. Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A (Demografi), bahagian B (Persekitaran Kerja Kompetitif), bahagian C (Pengurusan Stres) dan bahagian D (Prestasi Kerja). Data yang dikumpul kemudian telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min dan peratus) dan statistik inferensi (regresi berganda dan regresi hierarki). Dapatan kajian mendapati tahap persekitaran kerja kompetitif di kalangan staf akademik UTM berada pada tahap sederhana manakala tahap pengurusan stres dan prestasi kerja pula berada pada tahap tinggi. Selain daripada itu, persaingan untuk ganjaran didapati merupakan dimensi persekitaran kerja kompetitif yang paling mempengaruhi prestasi kerja. Dapatan kajian juga menerangkan bahawa pengurusan stres bertindak hanya sebagai peramal dan bukan sebagai moderator dalam hubungan antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja. Dalam kajian ini beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk pengkaji akan datang dan organisasi UTM.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the effect of stress management as moderator in the relationship between competitive working environment and work performance among Universiti Teknologi Malaysia academic staff. The respondents consist of 302 UTM academic staff who are placed in each of the faculty at UTM, Johor Bahru. The data is collected by using a set of questionnaire which consists of four parts namely part A (Demography), part B (Competitive Working Environment), part C (Stress Management) and part D (Work Performance). Then, the collected data have been analyzed by using descriptive statistic (mean and percentage) and inferential statistic (multiple regression and hierarchical regression). The finding reveals that the level of competitive working environment among UTM academic staff is at moderate level while the level of stress management and work performance are at high level. In addition, competition for reward is competitive working environment dimension that most affect work performance. The finding also reveals that stress management is found only as a predictor and not as a moderator on the relationship between competitive working environment and work performance. In this study, some suggestions have been given to future researchers and also UTM.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | HALAMAN |
|------------|----------------------------------|----------------|
| | PENGESAHAN STATUS TESIS | |
| | PENGESAHAN PENYELIA | |
| | HALAMAN JUDUL | i |
| | HALAMAN PENGAKUAN | ii |
| | HALAMAN DEDIKASI | iii |
| | HALAMAN PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xiii |
| | SENARAI RAJAH | xv |
| | SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| | SENARAI SINGKATAN | xvii |
| 1 | PENDAHULUAN | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.3 Latar Belakang Tempat Kajian | 5 |
| | 1.4 Pernyataan Masalah | 6 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 9 |
| | 1.6 Matlamat Kajian | 9 |
| | 1.7 Objektif Kajian | 10 |
| | 1.8 Kepentingan Kajian | 10 |
| | 1.9 Skop Kajian | 11 |
| | 1.10 Batasan Kajian | 12 |

| | | |
|----------|--|-----------|
| 1.11 | Definisi Konseptual dan Operasional | 13 |
| | 1.11.1 Persekitaran Kerja Kompetitif | 13 |
| | 1.11.2 Prestasi Kerja | 13 |
| | 1.11.3 Pengurusan Stres | 14 |
| 1.12 | Kesimpulan | 15 |
| 2 | KAJIAN LITERATUR | 17 |
| 2.1 | Pengenalan | 17 |
| 2.2 | Persekitaran Kerja Kompetitif | 17 |
| | 2.2.1 Persaingan untuk ganjaran | 20 |
| | 2.2.2 Persaingan untuk pengiktirafan | 22 |
| | 2.2.3 Persaingan untuk status | 24 |
| | 2.2.4 Persaingan yang dipengaruhi rakan sekerja | 25 |
| 2.3 | Prestasi Kerja | 26 |
| | 2.3.1 Model Interaksi Dimensi | 30 |
| | 2.3.2 Model Tingkah Laku Individu dan Prestasi | 32 |
| | 2.3.3 Model Tingkah Laku Individu yang Mempengaruhi Prestasi Kerja | 33 |
| | 2.3.4 Dimensi Prestasi | 35 |
| 2.4 | Persekitaran Kerja Kompetitif dan Prestasi Kerja | 36 |
| 2.5 | Pengurusan Stres | 38 |
| | 2.5.1 Model Pengurusan Stres: Diagnosis dan Intervensi | 40 |
| | 2.5.2 Mekanisme Menghadapi Stres | 41 |
| | 2.5.3 Dimensi Untuk Pengurusan Stres | 44 |
| 2.6 | Pengurusan Stres dan Peranannya Dalam Prestasi | 46 |
| 2.7 | Kesan Pengurusan Stres dalam Hubungan antara Persaingan Kerja Kompetitif dan Prestasi | 48 |
| 2.8 | Kerangka Kajian | 52 |
| 2.9 | Kesimpulan | 53 |
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | 55 |
| 3.1 | Pengenalan | 55 |
| 3.2 | Carta Aliran Proses Kajian | 56 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 57 |
| 3.4 | Populasi Kajian | 58 |
| 3.5 | Pensampelan | 59 |

| | | |
|----------|---|-----------|
| 3.5.1 | Teknik Pensampelan | 60 |
| 3.6 | Kaedah Pengumpulan Data | 64 |
| 3.6.1 | Data Primer | 64 |
| 3.7 | Instrumen Kajian | 65 |
| 3.7.1 | Bahagian A: Maklumat Demografi | 66 |
| 3.7.2 | Bahagian B: Persekitaran Kerja Kompetitif | 66 |
| 3.7.3 | Bahagian C: Pengurusan Stres | 67 |
| 3.7.4 | Bahagian D: Prestasi Kerja | 67 |
| 3.8 | Kajian Rintis | 68 |
| 3.8.1 | Analisis Kebolehpercayaan | 69 |
| 3.9 | Kaedah Penganalisan Data | 70 |
| 3.9.1 | Analisis Statistik Deskriptif | 72 |
| 3.9.2 | Analisis Regresi Berganda | 73 |
| 3.9.3 | Analisis Regresi Berperingkat | 75 |
| 3.10 | Kesimpulan | 76 |
| 4 | ANALISIS DATA | 78 |
| 4.1 | Pengenalan | 78 |
| 4.2 | Demografi Responden | 79 |
| 4.2.1 | Jantina | 79 |
| 4.2.2 | Umur | 79 |
| 4.2.3 | Kaum | 80 |
| 4.2.4 | Kelayakan Akademik | 81 |
| 4.2.5 | Gred Jawatan | 81 |
| 4.2.6 | Tempoh Perkhidmatan | 82 |
| 4.3 | Objektif 1: Mengenalpasti Tahap Persekitaran Kerja Kompetitif di Kalangan Staf Akademik di UTM | 83 |
| 4.3.1 | Dimensi Persaingan Untuk Ganjaran | 83 |
| 4.3.2 | Dimensi Persaingan Untuk Pengiktirafan | 85 |
| 4.3.3 | Dimensi Persaingan Untuk Status | 86 |
| 4.3.4 | Dimensi Persaingan yang Dipengaruhi Rakan Sekerja | 87 |
| 4.4 | Objektif 2: Mengenalpasti Tahap Pengurusan Stres Dalam Persekitaran Kerja Kompetitif di Kalangan Staf Akademik di UTM | 90 |
| 4.4.1 | Dimensi Hubungan Sokongan | 90 |
| 4.4.2 | Dimensi Penjagaan Kesihatan | 91 |

| | | |
|----------|--|------------|
| 4.4.3 | Dimensi Relaksasi | 93 |
| 4.4.4 | Dimensi Pengurusan Masa | 94 |
| 4.5 | Objektif 3: Mengenalpasti Tahap Prestasi Kerja di Kalangan Staf Akademik Dalam Persekitaran Kerja Kompetitif di UTM | 96 |
| 4.5.1 | Dimensi Produktiviti | 97 |
| 4.5.2 | Dimensi Usaha | 98 |
| 4.5.3 | Dimensi Pengetahuan | 99 |
| 4.5.4 | Dimensi Kecekapan Interpersonal | 101 |
| 4.5.5 | Dimensi Kualiti | 102 |
| 4.5.6 | Dimensi Mematuhi Peraturan | 103 |
| 4.6 | Objektif 4: Mengenalpasti Dimensi Persekitaran Kerja Kompetitif yang Paling Mempengaruhi Prestasi Kerja di Kalangan Staf Akademik di UTM | 105 |
| 4.6.1 | Ujian Normaliti | 106 |
| 4.6.2 | Ujian Lineariti | 106 |
| 4.6.3 | Ujian Multikolineariti | 107 |
| 4.6.4 | Ujian Homoskedastisiti | 108 |
| 4.6.5 | Dimensi persekitaran kerja kompetitif yang paling mempengaruhi prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM | 109 |
| 4.7 | Objektif 5: Mengenalpasti Kesan Pengurusan Stres Sebagai Moderator Dalam Hubungan Di Antara Persekitaran Kerja Kompetitif dan Prestasi Kerja | 110 |
| 4.8 | Kesimpulan | 112 |
| 5 | RUMUSAN DAN CADANGAN | 114 |
| 5.1 | Pengenalan | 114 |
| 5.2 | Perbincangan Dapatan Kajian | 114 |
| 5.2.1 | Taburan Demografi Responden | 115 |
| 5.2.2 | Objektif 1: Tahap persekitaran kerja kompetitif di kalangan staf akademik di UTM | 117 |
| 5.2.3 | Objektif 2: Tahap pengurusan stres dalam persekitaran kerja kompetitif di kalangan staf akademik di UTM | 118 |
| 5.2.4 | Objektif 3: Tahap prestasi kerja di kalangan | 121 |

| | | |
|-------|--|-----|
| | staf akademik dalam persekitaran kerja kompetitif di UTM | |
| 5.2.5 | Objektif 4: Dimensi persekitaran kerja kompetitif yang paling mempengaruhi prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM | 123 |
| 5.2.6 | Objektif 5: Kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan di antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja | 124 |
| 5.3 | Batasan Kajian | 125 |
| 5.4 | Sumbangan Kajian | 127 |
| 5.5 | Cadangan | 128 |
| 5.5.1 | Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang | 128 |
| 5.5.2 | Cadangan Kepada Organisasi | 129 |
| 5.6 | Kesimpulan | 130 |
| | RUJUKAN | 132 |
| | LAMPIRAN | 148 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|---------------|---|---------|
| 2.1 | Dimensi Pengurusan Stres | 45 |
| 3.1 | Populasi Kajian | 59 |
| 3.2 | Sampel Kajian | 61 |
| 3.3 | Persekitaran Kerja Kompetitif | 66 |
| 3.4 | Pengurusan Stres | 67 |
| 3.5 | Prestasi Kerja | 68 |
| 3.6 | Penjelasan Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> | 70 |
| 3.7 | Skor Kenyataan Borang Soal Selidik Skala Likert | 71 |
| 3.8 | Teknik Analisis Data | 71 |
| 3.9 | Tahap Skor Min | 72 |
| 4.1 | Taburan Kekekapan dan Peratusan Mengikut Jantina | 79 |
| 4.2 | Taburan Kekekapan dan Peratusan Mengikut Umur | 80 |
| 4.3 | Taburan Kekekapan dan Peratus Mengikut Kaum | 80 |
| 4.4 | Taburan Kekekapan dan Peratus Mengikut Kelayakan Akademik | 81 |
| 4.5 | Taburan Kekekapan dan Peratus Mengikut Gred Jawatan | 82 |
| 4.6 | Taburan Kekekapan dan Peratus Mengikut tempoh Perkhidmatan | 82 |
| 4.7 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Persaingan Untuk Ganjaran | 84 |
| 4.8 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Persaingan Untuk Pengiktirafan | 86 |
| 4.9 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Persaingan Untuk Status | 87 |
| 4.10 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Persaingan Yang Dipengaruhi Rakan Sekerja | 89 |
| 4.11 | Ringkasan Analisis Deskriptif Persekitaran Kerja Kompetitif | 89 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.12 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Hubungan Sokongan | 91 |
| 4.13 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Penjagaan Kesihatan | 92 |
| 4.14 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Relaksasi | 94 |
| 4.15 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Pengurusan Masa | 95 |
| 4.16 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Pengurusan Stres | 96 |
| 4.17 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Produktiviti | 98 |
| 4.18 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Usaha | 99 |
| 4.19 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Pengetahuan | 100 |
| 4.20 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Kecekapan Interpersonal | 102 |
| 4.21 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Kualiti | 103 |
| 4.22 | Ringkasan Analisis Deskriptif Dimensi Mematuhi Peraturan | 104 |
| 4.23 | Ringkasan Analisis Deskriptif Prestasi Kerja | 105 |
| 4.24 | Nilai Skewness dan Kurtosis | 106 |
| 4.25 | Nilai Multikolineariti antara Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar | 108 |
| 4.26 | Analisis Regresi bagi Dimensi Persekitaran Kerja Kompetitif dengan Prestasi Kerja | 109 |
| 4.27 | Ringkasan Model Analisis Regresi Berperingkat | 111 |
| 4.28 | Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian | 113 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | HALAMAN |
|----------------------|---|----------------|
| 2.1 | Model Interaksi Dimensi | 31 |
| 2.2 | Model Tingkah Laku Individu dan Prestasi | 32 |
| 2.3 | Model Tingkah Laku Individu yang Mempengaruhi Prestasi Kerja | 34 |
| 2.4 | Model Pengurusan Stres: Diagnosis dan Intervensi | 40 |
| 2.5 | Mekanisme Menghadapi Stres | 41 |
| 2.6 | Kerangka Kajian untuk Persekitaran Kerja Kompetitif, Pengurusan Stres dan Prestasi Kerja | 52 |
| 3.1 | Carta Aliran Proses Kajian | 56 |
| 3.2 | Proses Persampelan | 63 |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | HALAMAN |
|----------|-----------------------------------|---------|
| A | Borang Soal Selidik | 148 |
| B | Plot Rawak Ujian Lineariti | 154 |
| C | Plot Rawak Ujian Homoskedastisiti | 156 |

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

PERKATAAN SINGKATAN

KPI

Key Performance Index

et al.

Et alii (perkataan Latin)

SPSS

Statistical Package for Science Social

UTM

Universiti Teknologi Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan aspek berkaitan latar belakang kajian dan pernyataan masalah. Bab ini juga menyatakan tentang persoalan kajian, matlamat kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan batasan kajian. Di akhir bab ini akan menerangkan tentang definisi konseptual dan definisi operasional bagi terma-terma yang digunakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Persekitaran kerja kompetitif boleh ditakrifkan sebagai persekitaran kerja yang mana wujud di dalamnya persaingan antara individu untuk mencapai matlamat tertentu. Menurut Fletcher dan Nusbaum (2010) iklim kompetitif ditakrif sebagai persepsi individu terhadap persekitaran kerja akibat daripada persaingan berstruktur untuk ganjaran, pengiktirafan, status ataupun persaingan yang dipengaruhi oleh

rakan sekerja. Menurut Fletcher dan Nusbaum (2010) lagi dimensi persekitaran kerja kompetitif digambarkan sebagai persaingan untuk ganjaran, persaingan untuk pengiktirafan, persaingan untuk status dan persaingan yang dipengaruhi oleh rakan sekerja. Persekitaran kerja kompetitif ini dijangka dapat mempengaruhi prestasi kerja staf.

Prestasi kerja mempunyai hubungkait yang rapat dengan pemberian ganjaran. Sistem ganjaran bertujuan memperlihatkan dan memperkukuh tingkah laku dan hasil kerja yang diinginkan melalui pemberian pampasan dan lain-lain bentuk pengiktirafan (Cummings dan Worley, 2009). Penggunaan pendekatan pemberian ganjaran untuk mencapai prestasi kerja yang tinggi dianggap sebagai cara yang efektif untuk memperbaiki gelagat manusia. Ganjaran boleh menjadi ketara dengan adanya nilai-nilai kewangan seperti bonus dan hadiah atau tidak ketara dengan tiada nilai kewangan seperti rasa hormat menghormati, tanggungjawab dan peluang bagi pembangunan diri.

Selain daripada pemberian ganjaran, pengiktirafan dianggap sebagai satu lagi mekanisme motivasi manusia. Pengiktirafan boleh dianggap sebagai asas keperluan manusia dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Pengiktirafan boleh ditakrifkan sebagai pengakuan terhadap pencapaian seseorang sama ada dilakukan secara rasmi seperti pemberian surat penghargaan ataupun tidak rasmi seperti pujian secara lisan. Pujian dan pengiktirafan yang berterusan dalam sesebuah organisasi boleh membantu mengurangkan kadar pusing ganti pekerja. Menurut Gostick dan Elton (2007) pengiktirafan merupakan kunci untuk meningkatkan semangat dan penglibatan pekerja.

Senario masa kini memperlihatkan motivasi pekerja tidak hanya didorong oleh faktor kewangan semata-mata. Selain pengiktirafan, status dianggap sebagai asas motivasi emosi kepada pekerja (Loch *et al.*, 2001). Menurut Washington dan Zajac (2005) status ditakrifkan sebagai konsep sosial asas yang melihat perbezaan kedudukan sosial yang menjana keistimewaan atau diskriminasi. Menurut

Washington dan Zajac (2005) lagi definisi lain yang wajar disamaratakan dengan status adalah reputasi. Fombrun (1996) melihat reputasi sebagai petunjuk kualiti keseluruhan. Status dianggap sebagai kedudukan individu, kumpulan atau organisasi dalam masyarakat manakala reputasi adalah konsep asas ekonomi yang melihat perbezaan kualiti berasaskan prestasi ganjaran (Washington dan Zajac, 2005).

Pemberian ganjaran, pengiktirafan dan status melibatkan keseluruhan organisasi. Robbins dan Coulter (2007) mendefinisikan organisasi sebagai satu aktiviti kolektif yang dirancang oleh dua orang atau lebih yang mengandungi pembahagian pekerja dan autoriti berhierarki untuk mencapai matlamat secara bersama. Elemen-elemen yang perlu terdapat dalam organisasi adalah manusia, struktur dan matlamat. Komposisi individu dalam sesebuah organisasi berupaya membentuk persekitaran kerjanya. Dalam organisasi, persaingan menggalakkan ahli di dalamnya bekerja dengan lebih cekap dan berkesan. Menurut Beersma *et al.* (2003), sesetengah orang percaya persaingan menggalakkan kecekapan dan inovasi kerana ia merangsang individu bekerja dengan lebih cepat, lebih bijak untuk memenuhi keperluan jangka panjang organisasi. Walau bagaimanapun, menurut Johnson dan Johnson (1987), permusuhan dan perbalahan kadangkala berlaku dalam persekitaran yang terlalu menekankan kepada persaingan dan ini merupakan suatu keadaan yang tidak baik dan juga tidak sihat.

Memang tidak dapat dinafikan tekanan atau stres akan mengganggu ketenteraman individu dalam melaksanakan tugas dan stres di tempat kerja bukanlah fenomena baru dalam dunia pekerjaan (Zafir *et al.*, 2009). Stres yang wujud di tempat kerja akan memberi impak kepada organisasi secara keseluruhannya. Stres boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk tindak balas badan terhadap apa-apa masalah dan tekanan. Stres boleh disebabkan oleh ketidakseimbangan di antara sumber dalaman dan kemahiran, dan melalui tekanan kita akan menemui sokongan untuk menanganinya (James dan Arroba, 1999). Seyle (1976) telah menyatakan bahawa terdapat dua kategori dalam stres iaitu stres yang memberangsangkan (*eustress*) dan stres yang menjejaskan (*distress*). *Eustress* lebih ke arah positif iaitu ianya boleh memotivasikan dan meningkatkan prestasi kerja manakala *distress* pula adalah stres

yang berlaku dalam keadaan yang banyak menyebabkan prestasi kerja menurun dan tidak efisien dalam menghasilkan produk atau perkhidmatan.

Menurut Keegan (2003) stres tidak selalunya tidak baik, stres boleh dikurangkan sekiranya boleh dikawal dengan betul. Secara dasarnya, stres merupakan satu aspek kehidupan yang mesti dialami di beberapa peringkat. Selain itu, tindak balas stres boleh membantu dalam pelbagai cara seperti memotivasikan seseorang untuk bekerja atau belajar atau meningkatkan kewaspadaan ketika mengambil ujian atau semasa memberi ceramah. Masalah akan timbul sekiranya stres melebihi tahap produktif dan mengganggu keupayaan berfikir, mengingat dan memberi tumpuan pada tugas-tugas yang dilaksanakan. Stres perlu diurus dengan berkesan dan tidak boleh dibiarkan berada pada tahap yang tinggi untuk tempoh yang lama bagi mengelak pelbagai jenis penyakit atau kesan yang buruk berlaku. Stres yang tidak diurus dengan baik boleh memberi kesan terhadap prestasi kerja.

Pengurusan stres bermula dengan mengenal pasti punca-punca tekanan dalam hidup. Ini tidak mudah seperti yang disangka. Kunci kepada kejayaan menguruskan stres adalah berfikir secara positif, mengawal dan mempelajari teknik-teknik berkesan untuk menangani tekanan tersebut. Tiada teknik atau strategi khusus dalam menangani stres. Menurut Latack (1986) strategi menangani stres bergantung kepada tahap stres yang dihadapi oleh individu. Mengatasi tekanan berkaitan dengan usaha bagi kedua-dua usaha sebenar dan kognitif yang bertujuan untuk mengurangkan dan menyelesaikan sumber dan kesan tekanan yang terhasil dari persekitaran kerja (Bhagat *et al.*, 2010).

1.3 Latar Belakang Tempat Kajian

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah sebuah universiti penyelidikan awam dengan prospek global yang terletak di Kuala Lumpur yang dikenali sebagai UTM Kuala Lumpur dengan kampus induknya di Johor Bahru, daerah paling selatan di Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Singapura. Kedudukannya juga strategik terletak di kawasan Iskandar Malaysia yang merupakan sebuah pusat pertumbuhan ekonomi khas di Selatan Johor.

Sejak penubuhan rasminya pada tahun 1975 sebagai sebuah universiti awam, dengan permulaan penubuhannya terlebih dahulu sebagai kolej teknikal, UTM telah melalui fasa menarik dalam pembangunan dan pertumbuhan sehingga hari ini di mana ia berdiri sebagai universiti penyelidikan. Dalam usaha menjadi universiti terkemuka, UTM komited menjadi universiti penyelidikan berasaskan keusahawanan bertaraf dunia. Matlamat ini selaras dengan aspirasi negara ke arah menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi melalui kreativiti serta inovasi yang mempunyai nilai ciptaan yang tinggi. Seterusnya matlamat UTM telah ditetapkan untuk menjadi universiti berstatus global yang tergolong dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

UTM dipilih sebagai tempat kajian disebabkan oleh persekitaran kerjanya yang telah berubah yang memerlukan stafnya mempunyai sifat daya saing yang tinggi di samping bekerja secara proaktif, kreatif dan inovatif. Masyarakat akademik di UTM dilihat sebagai elemen penting bagi memacu matlamat menjadi universiti penyelidikan berasaskan keusahawanan. Peranan staf akademik di lihat turut berkembang dengan tugas dan tanggungjawab tidak tertumpu hanya kepada pengajaran sahaja. Malah ianya telah diperluaskan untuk menyemarakkan budaya ilmu di kalangan mereka agar keindahan makna ilmu dapat diserlahkan. Staf akademik telah diletakkan sebagai penyumbang terbesar kepada perkembangan dan kemajuan universiti (Zaini, 2011).

1.4 Pernyataan Masalah

UTM telah meletakkan sasaran untuk menjadi universiti penyelidikan berteraskan keusahawanan (2011 – 2014) dan status universiti global (2012 – 2020). Perubahan demi perubahan yang pesat dalam tempoh yang singkat memberi impak kepada seluruh warga kampus terutamanya staf akademik yang dianggap sebagai penyumbang utama dalam mencapai matlamat universiti. Pelan perubahan yang diumumkan oleh pemimpin tertinggi UTM telah meletakkan teras strategik yang perlu dilaksanakan termasuk memperkasa pembangunan organisasi supaya bersifat telus, mantap dan berdaya saing. Persekitaran kerja berdaya saing ini bertujuan untuk memberi hasil atau pulangan yang berganda serta signifikan kepada perkembangan universiti (Zaini, 2012).

Organisasi yang berdaya saing pastinya terdapat persaingan dalam persekitarannya manakala persaingan pula telah diakui merupakan ciri-ciri yang ada dalam manusia (Fletcher *et al.*, 2008). Lam (2012) menyatakan walaupun individu yang kompetitif berkemungkinan untuk berkhidmat dengan organisasi dengan afektif hanya apabila mereka merasakan personaliti dan konteks kerja mereka adalah sepadan. Mereka juga akan komited dalam melaksanakan tugas hanya apabila mereka melihat tahap persaingan yang tinggi dalam persekitaran kerja mereka.

Menurut Zaini (2013) antara cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha mencapai matlamat universiti dan memperkasa persekitaran kerja yang berdaya saing adalah kekangan tradisi silam di mana masih terdapat staf lebih selesa melaksanakan tugas mengikut amalan yang dilakukan oleh staf terdahulu iaitu mengambil sikap sambil lewa, mengambil mudah tugas dan kurangnya sinergi dalaman. Oleh yang demikian, kajian ini ingin melihat tahap persekitaran kerja yang berdaya saing sepertimana yang diharapkan di kalangan staf akademik yang dianggap sebagai golongan yang penting untuk mencapai matlamat UTM.

Persekitaran kerja berdaya saing dalam kajian ini merujuk kepada persaingan untuk ganjaran, persaingan untuk pengiktirafan, persaingan untuk status dan persaingan yang dipengaruhi rakan sekerja. Pelbagai ganjaran dan pengiktirafan telah disediakan oleh pihak universiti bagi menghargai staf yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang masing-masing. Antaranya termasuk ganjaran dan pengiktirafan untuk staf yang cemerlang dalam kerja, penerbitan, penulisan dan penyelidikan dan perundingan. Bukan di peringkat universiti sahaja, terdapat juga staf yang menerima pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kajian ini mengkaji elemen persaingan yang mana di antara ganjaran, pengiktirafan, status dan pengaruh rakan sekerja yang paling mempengaruhi prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM.

Di samping itu, terdapat juga rungutan daripada staf yang merasa tertekan dengan sasaran matlamat beserta strategi yang telah ditetapkan untuk menjadikan UTM sebagai universiti berjenama global. Zaini (2013) menyatakan keutamaan untuk UTM bergerak lebih laju dalam mencapai matlamatnya adalah budaya kerja berprestasi tinggi. Dalam pada itu, indeks prestasi utama (KPI) telah digunakan sebagai petunjuk prestasi tahunan bagi staf akademik sejak tahun 2009. Dengan menggunakan KPI, tumpuan diberikan kepada hasil dan prestasi yang dirancang secara spesifik dalam suatu tempoh tertentu. Walau bagaimanapun, KPI dianggap sebagai sesuatu yang menakutkan sekaligus boleh meningkatkan tahap stres (Zaini, 2013). Staf akademik UTM perlu mengatasi tekanan yang mereka hadapi akibat dari penetapan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

Lazarus dan Folkman (1984) menekankan bahawa strategi mengurus stres boleh membantu untuk mengurangkan ketegangan yang disebabkan oleh tekanan yang terhasil akibat daripada kekurangan individu dalam persekitaran mereka. Pengurusan tekanan atau strategi menghadapi tekanan di persekitaran kerja adalah perlu bagi memastikan pencapaian prestasi adalah pada tahap optimal (Kofoworola dan Alayode, 2012). Menurut Nelson dan Sutton (1990) pula, pengurusan stres boleh memberi kesan kepada kepuasan kerja, ketegangan, hasil dan prestasi pekerja dan juga prestasi organisasi. Kajian yang dilakukan oleh Lu *et al.* (2010) juga

mendapati bahawa pengurusan stres berkaitan secara positif dengan prestasi kerja. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauh mana tahap pengurusan stres dan tahap prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM.

Pengurusan stres didapati telah menjadi moderator dalam kajian seperti yang dilakukan oleh Siu *et al.* (2002) yang melihat kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan tekanan dalam masyarakat China. Chen *et al.* (2009) pula melihat kesan moderator sokongan sosial dan menghadapi stres dalam hubungan antara tekanan kerja dan mental kesihatan pekerja. Manakala Bhagat *et al.* (2010) pula mengkaji pengaruh menangani tekanan sebagai moderator dalam hubungan antara peranan tekanan dan tekanan psikologi. Walau bagaimanapun, masih belum terdapat pengkaji yang mengkaji kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja. Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja dalam kalangan staf akademik UTM.

Kajian terdahulu yang pernah dilakukan untuk mengkaji persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja seperti yang dilakukan oleh Brown *et al.* (1998), Fletcher *et al.* (2008) dan Lam (2012) menumpukan kepada pekerja di bidang jualan dan teknologi maklumat. Kajian ini pula memilih staf akademik sebagai responden kajian kerana bidang tugasnya yang berbeza berbanding kajian terdahulu. Ini bertujuan untuk melihat dapatan kajian bagi hubungan antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi dalam bidang tugas yang berbeza.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dikemukakan, penyelidik berharap beberapa persoalan kajian dapat dijawab melalui kajian yang dijalankan ini iaitu:

- a. Apakah tahap persekitaran kerja kompetitif di kalangan staf akademik di UTM?
- b. Apakah tahap pengurusan stres di kalangan staf akademik di UTM?
- c. Apakah tahap prestasi kerja di kalangan staf akademik dalam persekitaran kerja kompetitif di UTM?
- d. Apakah dimensi persekitaran kerja kompetitif yang paling mempengaruhi prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM?
- e. Apakah kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan di antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja?

1.6 Matlamat Kajian

Kajian ini bermatlamat untuk mengenalpasti tahap persekitaran kerja kompetitif, pengurusan stres dan prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM. Dimensi persekitaran kerja kompetitif yang paling mempengaruhi prestasi kerja juga akan dikenalpasti. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti hubungan di antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM dengan mengambilkira kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan tersebut.

1.7 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a. Menenalpasti tahap persekitaran kerja kompetitif di kalangan staf akademik di UTM.
- b. Menenalpasti tahap pengurusan stres di kalangan staf akademik di UTM.
- c. Menenalpasti tahap prestasi kerja di kalangan staf akademik dalam persekitaran kerja kompetitif di UTM.
- d. Menenalpasti dimensi persekitaran kerja kompetitif yang paling mempengaruhi prestasi kerja di kalangan staf akademik di UTM.
- e. Menenalpasti kesan pengurusan stres sebagai moderator dalam hubungan di antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja.

1.8 Kepentingan Kajian

Dalam konteks persekitaran kerja kompetitif, kajian ini dapat memberi input baru kerana ianya melibatkan dimensi persaingan yang merupakan elemen motivasi bagi kebanyakan staf dalam melaksanakan tugas iaitu ganjaran, pengiktirafan, status dan pengaruh rakan sekerja. Kajian ini memperlihatkan tahap prestasi staf akademik dalam persekitaran kerja yang berubah mengikut peredaran masa dan tuntutan matlamat yang ditetapkan oleh organisasi.

Dapatan kajian ini di harap dapat memberi gambaran kepada pihak UTM mengenai tahap persekitaran kerja kompetitif di kalangan staf akademik di UTM sama ada berada pada tahap sewajarnya atau perlu dibuat penambahbaikan secara berterusan yang disesuaikan dengan perubahan polisi dan hala tuju yang drastik yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan UTM. Selain itu, kajian ini juga akan memberi maklumat mengenai tahap pengurusan stres di kalangan staf akademik dalam usaha

memenuhi tuntutan pencapaian matlamat tinggi yang mengakibatkan suasana yang menekankan. Secara keseluruhannya kajian ini diharap dapat menjadi rujukan yang efektif kepada organisasi dalam menggalakkan stafnya bersaing untuk meningkatkan prestasi dan seterusnya mencapai matlamat organisasi dalam persekitaran kerja yang kompetitif. Hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan oleh pelajar dan pengkaji akan datang yang berminat untuk membuat kajian tentang aspek yang berkaitan dengan pengurusan stres, persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja di kalangan staf di organisasi lain atau staf di bidang tugas yang berbeza serta mereka boleh meluaskan kajian ini dengan mengaitkan hubungannya dengan pembolehubah yang lain.

1.9 Skop Kajian

Kajian ini memberi penerangan terhadap persekitaran kerja kompetitif, prestasi kerja dan pengurusan stres di kalangan staf akademik di UTM. Skop kajian ini hanya memberi tumpuan kepada staf akademik di fakulti yang berjawatan tetap di UTM Johor Bahru sebagai responden.

Terdapat banyak faktor yang dapat mempengaruhi atau menyumbang kepada peningkatan prestasi seseorang staf. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya menumpukan kepada empat dimensi persekitaran kerja kompetitif yang penting dalam mengkaji hubungannya dengan prestasi kerja di kalangan staf iaitu persaingan untuk ganjaran, persaingan untuk pengiktirafan, persaingan untuk status dan persaingan yang dipengaruhi oleh rakan sekerja. Prestasi staf dilihat melalui enam komponen prestasi iaitu produktiviti, usaha, pengetahuan, kecekapan interpersonal, kualiti dan mematuhi peraturan. Di samping itu, pengkaji juga mengkaji kesan pengurusan stres melalui strategi hubungan sokongan, penjagaan kesihatan, relaksasi dan pengurusan masa terhadap hubungan antara persekitaran kerja kompetitif dan prestasi kerja staf akademik di UTM. Kajian ini melibatkan staf akademik yang

ditempatkan di fakulti di UTM Johor Bahru sebagai responden iaitu seramai 302 orang. Segala maklumat mengenai responden berdasarkan maklumbalas melalui soal selidik sahaja.

Pembolehubah yang dijadikan sebagai pembolehubah bebas ialah persekitaran kerja kompetitif dengan dimensinya. Pembolehubah bersandar adalah prestasi dan komponennya. Manakala pembolehubah perantara yang digunakan adalah pengurusan stres bersama strategi yang dikenalpasti.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada staf akademik di UTM yang berjawatan tetap di UTM Johor Bahru iaitu staf akademik di fakulti dan tidak melibatkan staf bukan akademik.

Kajian ini merupakan kajian mengikut tempoh waktu tertentu (*time base*) dan ia hanya tepat untuk jangka masa kajian sahaja. Dapatan kajian ini hanyalah boleh dijadikan sebagai rujukan pada masa hadapan tetapi tidak boleh menggambarkan organisasi yang sama kerana jangka masa telah berlalu. Kajian ini haruslah dirujuk dan dibuat semula mengikut peredaran masa dan perubahan polisi yang digunakan.

1.11 Definisi Konseptual dan Operasional

1.11.1 Persekitaran Kerja Kompetitif

